

**LAPORAN DATA SILANG (CROSS-DATA) KECICIRAN SEKOLAH
AGAMA (KAFA) DI KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH
KEBANGSAAN (SK) BERAGAMA ISLAM DI KUALA LUMPUR
TAHUN 2023**



**PERTUBUHAN KEBAJIKAN AMAL JARIYAH NUR HIDAYAH SELANGOR
(PPM-022-10-24032022)**

Dibuat pada :
JULAI 2024

Disediakan oleh :
MUHAMMAD ASSIDDIQ BIN FAUZAN

ABSTRAK

Laporan data silang ini bertujuan mengenalpasti jumlah keciciran sekolah agama di kalangan pelajar sekolah rendah kebangsaan beragama Islam di Kuala Lumpur pada tahun 2023. Didapati 43.1% murid tercicir sekolah agama.

METODOLOGI

Laporan menggunakan kaedah mengumpulkan data pustaka dengan berhubung dengan Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN-WP KL), Pusat Pendidikan Wilayah Sentul (PPW Sentul), Pusat Pendidikan Keramat (PPW Keramat) dan Pusat Pendidikan Bangsar-Pudu (PPW BangsarPudu). Data ini dibuat teknik silang data atau 'cross-data' dengan maklumat dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bahagian pendidikan. Data pelajar yang digunakan adalah berakhir pada Disember 2023.

LIMITASI

Laporan hanya mengambil data sekolah kebangsaan sahaja. Sekolah swasta tidak dimasukkan kerana murid berada di sekolah dari pagi hingga ke petang. Sekolah Integrasi Rendah Agama JAWI (SIRAJ) juga tidak di ambil kira kerana walaupun ia sekolah kerajaan, ia beroperasi dari pagi hingga ke petang. Namun KAFA swasta diambil kira kerana ia beroperasi setengah hari. Laporan ini merangkumi seluruh WP Kuala Lumpur tidak termasuk Labuan dan Putrajaya.

HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan jumlah murid di SK di Kuala Lumpur yang beragama Islam untuk sesi pembelajaran tahun 2023, data. Manakala Jadual 2 pula adalah jumlah murid yang belajar di KAFA di Kuala Lumpur pada tahun yang sama.

PPW Sentul	17, 169 orang
PPR Keramat	26,760 orang
PPW BangsarPudu	42,958 orang
JUMLAH	86,887 orang

Jadual 1

SRA kendalian JAWI	27,352 orang
KAFA di masjid dan surau	18,082 orang
KAFA swasta	3,975 orang
JUMLAH	49,409 orang

Jadual 2

Jika dibuat persilangan, seramai **37,478 orang** atau **43.1%** murid SK beragama Islam tercicir sekolah agama di Kuala Lumpur.

PERBANDINGAN TAHUN 2022 DAN 2023

Data	2022	2023	Prestasi
PPW Sentul	17, 176 orang	17, 169 orang	
PPR Keramat	25,311 orang	26,760 orang	
PPW BangsarPudu	41,591 orang	42,958 orang	
SRA kendalian JAWI	26,998 orang	27,352 orang	
KAFA di masjid dan surau	15,988 orang	18,082 orang	
KAFA swasta	1,487 orang	3,975 orang	
Jumlah keciciran	44,473 orang	37,478 orang	

Secara amnya, keciciran telah **menurun** dari 47.1% pada tahun 2022 kepada 43.1% pada tahun 2023. Dari segi angka, seramai 6,995 pelajar telah diselamatkan dari keciciran. Ini dibantu paling besar oleh KAFA swasta iaitu peningkatan seramai 2,484 pelajar; seterusnya KAFA di masjid dan surau iaitu peningkatan seramai 2,094 pelajar; dan akhirnya SRA kendalian JAWI dengan peningkatan seramai 354 pelajar.

PENUTUP

Diharapkan fasiliti yang meliputi infrastruktur, elaun guru dan bantuan operasi dapat ditingkatkan lagi supaya angka keciciran dapat terus diturunkan pada tahun hadapan.

RUJUKAN

Haji Azuar bin Haji Hussin, Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pelajaran Wilayah Bangsar Pudu.

Puan Aziah binti Amir, Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pelajaran Wilayah Keramat.

Puan Zainon binti Haron, Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pelajaran Wilayah Sentul.

Syafiq Yap Chee Hoe Abdullah, Penolong Pengarah, Bahagian Pelajaran, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan., Unit Hal Ehwal Murid, Bahagian Pelajaran, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.